

# 1,199.68kg lebih makanan, minuman diselamat menerusi program MYSaveFood@Bazar Ramadan

**BINTULU:** Sebanyak 1,199.68 kilogram lebih makanan dan minuman yang tidak terjual di sebuah bazar Ramadan di Bintulu sepanjang tempoh tujuh hari beroperasi telah diselamatkan oleh Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia (GEMA) bersama Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) dari 19 Mac hingga 25 Mac lalu.

Program kesukarelawan MYSaveFood@Bazar Ramadan yang disertai seramai 35 sukarelawan dalam kalangan pelajar UPMKB itu merupakan inisiatif yang telah dimulakan di Bazar Ramadan Kampung Baru Kuala Lumpur pada 2016.

Kini sebanyak 72 bazar Ramadan di seluruh Malaysia terlibat dalam penganjuran program MYSaveFood@Bazar Ramadan pada tahun ini.



**PROGRAM MURNI:** Sukarelawan merakamkan kenangan bersama hasil makanan yang diselamatkan di bazar Ramadan untuk diagih-agihkan kepada penerima.

Bazar pertama yang dilaksanakan program tersebut di Bintulu pula ialah Bazar Ramadan di Pusat Komersial Bintulu Sentral berhadapan Restoran Dinner World yang telah memulakan operasinya pada 19 Mac hingga 25 Mac lalu.

Penyelaras sukarelawan

Nurul Syahmah Matsah berkata, penganjuran program ini adalah untuk mengurangkan pembaziran makanan dan minuman pada bulan Ramadan dengan menyalurkan lebih makanan dan minuman yang tidak terjual kepada golongan memerlukan.

“Kaedah pelaksanaan program ini adalah menimbang terlebih dahulu makanan dan minuman yang diserahkan para peniaga bazar untuk direkodkan,” katanya.

Seterusnya katanya, pada setiap bungkusan makanan dan minuman akan diletakkan pekat peringatan untuk dimakan atau diminum dalam tempoh dua jam selepas diterima.

Katanya, makanan dan minuman tersebut bukan sahaja diagihkan kepada golongan yang memerlukan malahan kepada para pelajar UPMKB.

Beliau berkata, Program MYSaveFood@Bazar Ramadan ini mendapat sambutan yang baik daripada para peniaga bazar Ramadan dan sukarelawan UPMKB serta akan menjadikannya sebagai program tahunan pada bulan Ramadan.